

Sheikh Ibin Taimiah dari sudut Aqidah

Amma Ba'd: Adapun mengenai Sheikh Ibin Taimiah tidak semua diantara kita sedar dan menyelidik asal aqidahnya oleh kerana beberapa sebab tradisi dan budaya orang-orang kita menyebabkan kadang-kala perkara yang salah diberikan sokongan oleh kerana kurang menyelidik dan kadang-kala perkara yang benar dianggap salah sebab bertentangan dengan budaya dan tradisi yang baik, ini adalah punca terbesar timbulnya 'fitnah'. Issue Sheikh Ibin Taimiah adalah issue fitnah yang tidak habis-habis dibincang oleh kerana kelewatan usaha untuk menyelesaikannya pada awal waktu sehingga meleret sehingga ke hari ini sehingga terbit golongan yang membuat kacau. Punca fitnah yang berlaku adalah kerana beberapa sebab berikut seperti ini :

- 1)Ghalabah sangkaan baik kita kepada seorang yang telah dikenali sebagai seorang 'ulama' dan ditambah dengan gelaran 'Sheikhul Islam' .
- 2)Ditambah pula disana memang sudah ada musuh-musuh Allah yang sentiasa tidak putus-putus membuat porak peranda dan fitnah terhadap alim –ulama kita dengan tujuan untuk memburukkan Islam .
- 3)Mempertahankan imej ulama serta ideologi, sudah terbina dan menjadi tradisi kita sepanjang zaman untuk mempertahankan Islam.
- 4)Ditambah lagi bahawa seorang gelaran 'ulama' bila dipenjarakan bukanlah perkara baru malah inilah dia lambang kezaliman pemerintahan walaupun yang memutuskan penghukuman itu adalah dari lujnah fatwa ahlus sunnah wal jamaah, dan beliau dipenjarakan berkali-kali seolah-olah memperjuangkan kebenaran sehingga keperingkat 'membakar diri untuk memberi cahaya kepada yang lain' dan dianggap perjuangan seperti ini sama seperti perjuang Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad bin Hanbal r.a. dalam menegakkan kebenaran .
- 5) Dan yang paling parah sekali dan sangat berkesan adalah , bermati-matian mempertahankan seseorang atas dasar baik sangka kerana kurang menyelidik dan tiada ilmu yang mendalam mengenai aqidahnya.

Anggapan-anggapan seperti ini sebenarnya menyempitkan jiwa untuk menyelidik dan membongkar 'sebab-sebab' beliau dipenjarakan , siapa yang menghukumkannya dan atas aqidah apakah pemerintahan Islam ketika hukuman itu dijalankan. Dan bila soalan-soalan seperti ini tidak

dapat diperhatikan seolah-olah semua ulama yang dimasukkan ke penjara adalah seperti Nabi Yusuf a.s masuk penjara oleh kerana fitnah.

Ini adalah diantara punca terbesar dalam fitnah Sheikh Ibin Taimiah bukan sahaja menular dalam kalangan orang awam malah beberapa ulama ahlu sunnah wal jamaah juga terikat dalam 'fitnah' ini, seperti Imam Yafi'e , Imam Sarmari , Imam Nasiruddin Ad-Dimasyqi dan mungkin beberapa-beberapa lagi.

Perkara ini menambahkan lagi kerumitan sebab wujudnya beberapa alim ulama yang menyokongnya dan perkara ini juga ada sumber rujukannya dari muridnya Imam Zahabi dalam kitabnya Bayan Zaglil Ilmi wat talab. Sheikh Ibin Taimiah mempunyai dua warna fatrah (period) yang bertentangan dalam kehidupannya:

1-Fatrah kegemilangannya dengan kewara'an dan kealimannya iaitu bermula dari zaman mudanya (ketika berumur 20 tahun) sehingga beliau mula belajar falsafah.

2-Fatrah kegelapannya dan kesalahannya (sehingga majlis fatwa berkali-kali memanggilnya untuk memberi amaran) yang bermula sebaik sahaja beliau berfalsafah dalam tadriisnya sehingga akhir hayatnya.

Berdasarkan dua warna hidupnya yang berlainan ini timbul pula kitab-kitab yang memujinya dan menyokong yang sebenarnya merujuk kepada kehidupannya pada fatrahnya yang awal.

Dan segala kitab yang bercorak penentangan adalah merujuk kepada kehidupannya pada fatrahnya yang terakhir.

Oleh yang demikian ada murid-murid Sheikh Ibin Taimiah sendiri dan alim ulama sezaman dengannya, apabila disedarkan mengenai aqidahnya yang berlainan pada fatrah kehidupannya yang kedua , tabarra' , tarik diri dari pegangan aqidahnya walaupun masih tetap bersamanya dalam lain-lain jurusan, seperti Imam Zahabi, Sheikh Abu Hayan dan beberapa lagi (kitab taufiqur rabani m/s 37 & 54).

Sudah menjadi lumrah manusia ada silap dan salahnya walupun kebaikan tetap kelihatan darinya dan penelitian aqidah adalah 'titik perukuran kita ' kepada seseorang dan kritikan ulama yang sezaman dengannya adalah sebagai satu bukti kepastian . Diantara kebaikan beliau yang sangat ketara dalam dunia Islam hingga ke saat ini adalah sumbangan ilmu , pengajaran

dan panduannya dalam *Islamic Banking, Future Bisness, Ekonomi Islam* dan hampir semua masalah muamalah yang berkaitan dengan kewangan dalam Islam. Beliau diantara Ulama yang membolehkan sambutan Maulid Nabi (al'iqtida'), bertawassul dengan Nabi (majmu') dan mungkin beberapa lagi.

Selain itu beliau juga seorang ulama Sufi yang masyhur , malah beliau sendiri mengaku mengamalkan Thariqah Qadiriyyah. Beliau pernah mensyarahkan kitab Sheikh Abdul Qadir Jailani yang bernama 'Futuhul Ghaib.' Jika bukan seorang ahli sufi sudah tentu tidak dapat menjelajah apa yang tertera dalam kitab tersebut. (majmu' 10 : 455- 548)

Semoga Allah merahmatinya dan kebaikan-kebaikan ini yang telah banyak menyelamatkan ummat, semoga kebaikan beliau ini menjadi penyebab beliau diterima oleh Allah dan mulia di sisiNya.

Kami disini akan menjelaskan pengakuan Sheikh Ibin Taimiah sendiri dari tulisan tangannya sendiri yang menggambarkan kepada kita bahawa beliau adalah penganut atau ulama ahlu tajsim oleh kerana terlalu banyak tulisannya samada secara 'bingungnya' , 'samar-samar' atau pun terang-terangan dalam perkara ini.

Kami mulakan disini dengan satu tujuan bukanlah untuk memburukan seorang Islam apatah lagi alim , atau untuk mengumpat orang yang sudah kembali ke rahmatullah , tetapi sebagai satu usaha kecil untuk nasran alad din , menegakkan agama , menghilangkan kekeliruan dan mendoakan beliau semoga berjaya disisi Allah dan dengan tujuan demikian kita semua berjaya mendapat Rahmat Allah.

ALLAH ITU BERJASAD/ BERJISIM (BERJASMANI)

Jl) Kitab : At-Ta'siis Fii Radd Asaasit Taqdiis

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 1

Barisan / halaman : 101

Bermula dari :

Artinya : Tidak ada dalam kitab Allah (Quran) dan juga tidak ada dalam sunnah Nabi saw dan juga tidak ada satu pendapat dari seorang salaf dan ulamanya, yang menjelaskan bahawa dia (Allah) bukan jisim dan juga tidak ada juga (dari sumber-sumber tersebut diatas) yang

menjelaskan bahawa sifat-sifatnya bukanlah jisim dan berlembaga. Adalah dengan menolak ma'na yang telah ditetapkan oleh syara' dan akal dengan ketiadaan lafaz-lafaz (yang menunjukkan Allah bukan jisim), secara syara' dan bukan menurut akal, adalah satu kebodohan dan kesesatan.

Huraiannya : Oleh kerana tidak ada penafian dari nas, kita tidak boleh menafikan Allah itu tidak berjisim. Ringkasnya , Allah berjisim oleh kerana tiada penafian dari nas.

Ini dikuatkan oleh pandangannya terhadap jasmaniah Allah swt dengan memberi contoh jika Allah berkehendak (dengan jisimnya) untuk duduk di belakang/ buntut nyamuk sudah tentu dapat dilakukan dengan qudratNya dan sifat kehalusanNya apatah lagi duduk di istana yang agung.

J2) Kitab : At-Ta'siis Fii Radd Asaasit Taqdiis

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 1

Barisan / halaman : 568

Bermula dari

Artinya : Dan jika Dia (Allah) berkehendak, sudah pasti Dia dapat bertempat di belakang/buntut nyamuk maka nyamuk tersebut dapat dikuasainya dengan qudratNya dan kehalusan penjagaannya, maka bagaimana pula diatas istana yang agung !

Dalam manuskripnya yang asli yang tersimpan di Thohiriyyah Dimaskus dalam volume berangka 25 dari 'Alkawakibud Daraari ' termaktub beberapa hal mengenai tajsimnya Allah SWT.

J3) Kitab : At-Ta'siis Fii Radd Asaasit Taqdiis

Manuskrip Terpelihara di Thohiriyyah Dimaskus

Juz : 25 dari 'Al-Kawakibud Daraari

Pengarang : Ibin Taimiah

Bermula dari :

Artinya : Dan sebagaimana yang telah dimaklumkan, bahawa AlKitab (Quran) ,As-Sunnah (Nabi) dan Ijma tidak menyebut bahawa 'jasad' semuanya adalah perkara baru (makhluk) dan tidak juga ada sebutan bahawa Allah itu bukan berjasad, dan tidak ada kata-kata dari seorang

Imam pun dari para imam dari kalangan Muslimin. Maka tidaklah aku tinggalkan kata-kata ini(iaitu kekata yang tidak disebutkan itu dari Al-Kitab, As-Sunnah, Ijma dan Kata-kata seorang Imam) sesuatu yang terkeluar dari fitrah dan dari Syariah.

Huraiannya : Oleh kerana jelas dari Al-Kitab , As-Sunnah, Ijma' dan Pendapat seorang Imam (dari salaf) telah 'meninggalkan sebutan dalam penafian' jasad terhadap Allah , maka Ibin Taimiah berpendapat bahawa dia juga meninggalkan penafian ini, dan ini bukanlah artinya isbat Allah berjasad itu sesuatu yang terkeluar dari fitrah dan syariah, jika terkeluar dari fitrah atau syariah sudah tentu ada penafian jasad dari sumber-sumber yang tersebut dengan jelas.

Beliau berkata dari kitab yang sama di halaman yang lain :

J4)

Artinya : Kamu katakan bahawa Allah bukan berjisim, bukan lembaga, bukan bertempat ,dan bukan berada dalam' sudut' tertentu , tidak boleh ditunjukkan dengan pisikal kearah (diaman) Nya ,tidak boleh bandingkannya dengna sesuatu, dan kamu telah ibaratkan kepada Allah bahawa Dia tidak mempunyai 'bahagian' (dalam dirinya) , dan tidak mempunyai 'susunan' (dalam dirinya),dia tidak memerlukan kepada batasan ruangan , tidak mempunyai' waktu tamat', kamu berkehendak agar Dia tidak memerlukan kepada 'ruangan' dan 'batasan' atau baginya 'batasan' tanpa ada tegahan ...bagaimana kamu 'mengambil' penafian-penafian ini tanpa pertunjuk dari Al-Kitab (Quran) dan Sunnah.

TIADA CELAAN DALAM 'TASYBIH' SESUATU KEPADA ALLAH SWT

Selepas kita dimaklumkan bahawa Ibin Taimiah adalah seorang mujassim yang telah isbatkan jisim kepada Allah , (dan ini adalah antara jenayahnya dalam aqidah menyebabkan berkali-kali beliau dipenjarakan selepas di inzar kan oleh Ibnu Qalawun (Qadhi wilayah) dan lujnah fatwah, dibawah pemerintahan ahlus sunnah wal jamaah) , beliau juga adalah seorang ahlu tasybih / musyabbih yang berpendapat bahawa 'mentasybih' kan sesuatu kepada Allah bukan lah satu larangan dan celaan. Kerana tidak ada wurud sumber dari Nas dalam bentuk 'mencela' jika kita tasybih kan sesuatu kepada Allah.

**T1) Kitab : Bayan Talbisul Jahmiah Fi Ta'siis Bida'ihimul Kalamiah
Pengarang : Ibin Taimiah**

Juz : 1

Barisan / halaman : 109

Bermula dari :

Artinya : Maka nama 'Musyabbah', tidak ada sebutannya dalam bentuk celaan dalam al-kitab dan sunnah dan tidak juga dari kata-kata seorang dari sahabat dan para tabi'iiin.

Huraiannya : Mentasybih kan sesuatu terhadap Allah tidak ada celaannya dari kitab, sunnah dan para sahabat serta para tabi'iiin.

Ini sama seperti hujjah ahlu musyabbih ketika memberikan tasybih kepada Allah dengan sesuatu.

Bukan setakat jisim, tasybih tetapi nisbah 'had' kepada Allah adalah salah satu aqidah Ibin Taimiah. Beliau terus menerus mengisbatkan 'had' bagi Allah, iaitu Allah memerlukan ruang bagi dirinya bagaikan makhluk juga memerlukan ruang bagi diri mereka.

Bukan sahaja beliau telah isbatkan 'had' (ruang) bagi Allah Ta'ala, malah mengkafirkan mereka yang menolak nisbah 'had' kepada Allah swt. Sedangkan kita sudah maklumi bahawa Jumhur Ahlus Sunnah Wal Jamaah menolak nisbah jisim, had dan apa sahaja yang diperlukan makhluk untuk dinisbahkan kepada Allah.

ALLAH MEMERLUKAN 'HAD' (BATASAN RUANG)

Pandangan Ibin Taimiah mengenai 'had' ini, yang boleh kita rumuskan bahawa aqidahnya bukanlah aqidah salaf dan bukan ahlus sunnah wal jamaah, kerana beliau bukan sahaja mengisbatkan 'had' pada Allah Ta'ala malah pada 'istana'Nya juga, katanya seperti berikut :

H1) Kitab : Al-Muwafaqah

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 2

Barisan / halaman : 29

Bermula dari :

Artinya : Dan bagi Allah Ta'ala 'had' (batasan ruang) yang tidak diketahui seorang melainkan Dia , dan tidak seharusnya seseorang itu teragak-agak dalam isbatkan 'had' ini bagi Allah dalam dirinya, tetapi dia harus beriman dengan adanya 'had' ini dan menyerahkan pengetahuannya kepada Allah Ta'ala. Juga, bagi tempatNya ada 'had' ,ialah atas singgahsananya atas semua lapisan langit, kedua-dua ini adalah dua had yang berlainan.

H2) Beliau menambah lagi ,bahawa barangsiapa yang tidak i'tiraf 'had' bagi Allah , maka sesungguhnya dia telah kufur dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT.

Artinya : Dan semua ini dan seumpamanya bukti-bukti dan dalil-dalil keatas isbatnya 'had' bagi Allah, barangsiapa yang tidak i'tiraf (atau tidak menerima) dengannya (dengan 'had') maka sesungguhnya dia telah kufur dengan apa yang diturunkan Allah dan bersifat engkar dengan ayat-ayat Allah.

MENOLAK KEBERADAAN ALLAH DALAM 'JIHAH' (BERSUDUT) ADALAH BID'AH

Makhluk sentiasa berada dalam 'jihah' (sudut) selagi mereka wujud dalam fisik , dan fisik adalah material yang bergantung kepada hukum metafisik dan pasti bertempat. Jika pasti bertempat sudah tentu mempunyai arah kedudukan tempat tersebut samada atas, bawah, kanan , kiri, depan dan belakang. Ulama Ah lus Sunnah Wal Jamaah telah sepakat dan isbatkan bahawa Allah 'berlawanan dengan setiap yang baru ' dan setiap yang baru itu makhluk. Disini Sheikh Ibin Taimiah tidak menolak keberadaan Allah dalam 'jihah' dan juga tidak mahu mengisbatnya kerana dianggap perkara ini tidak harus diberikan perhatian oleh kerana perkara baru atau bid'ah .sepertimana katanya :

JH1) Kitab : At-Tis'iiniyyah
Pengarang : Ibin Taimiah
Barisan / halaman : 3
Bermula dari :

Artinya : Adapun kata-kata dari mereka yang inginkan kami menafikan 'jihah' bagi Allah dan 'bertempat' (bagi Allah), maka bukanlah kata-kata ku ini mengisbatkannya (jihah), kerana sebutan untuk lafaz ini

(jihah & tahaiyuz)samada menafikannya atau mengisbatkannya adalah satu perkara (bid'ah).

Adapun kenyataannya yang sebenarnya kelihatan seolah-olah 'bingung' kerana bertentangan dengan apa yang kita baca diatas. Dan kata-kata ini beliau sendiri mengisbatkan 'jihah' bagi Allah , adalah dari keterangan berikut :

JH2) Kitab : Minhajus Sunnah

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 1

Barisan / halaman : 264

Bermula dari :

Artinya : Maka sabitlah bagiNya dalam 'jihah' atas dua takdir.

Sheikh bukan sahaja telah isbatkan 'jihah' bagi Allah tetapi beliau juga menjelaskan bahawa perkara ini telah disepakati oleh semua orang Islam dan juga orang-orang kafir dengan katanya :

JH3) Kitab : Al-Muwafaqah

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 2

Barisan / halaman : 33

Bermula dari :

Artinya : Dan telah bersepakat atas satu kalimah antara kaum muslimin dan kafirin bahawa Allah berada di langit dan mereka menetapkan demikian.

JH4) Kitab : Minhajus Sunnah

Pengarang : Ibin Taimiaht

Juz : 1

Barisan / halaman : 262

Bermula dari :

Artinya : Sesungguhnya jumhur ulama khalaf bersepakat bahawa Allah Ta'ala berada di atas alam ini.

Bukan sahaja beliau telah berkata demikian ,malah telah memberikan penjelasan tempat dan lokasi Arash dan Kursi dan menisbarkannya kepada ahlus sunnah, sedangkan jumhur ahlus sunnah wal jamaah telah

diam dalam perkara ini sebab termasuk dalam penetapan yang tiada keterangan dari Nas, sebagaimana katanya lagi :

JH5) Kitab : Al-Risalatul Hamawiyah

Pengarang : Ibin Taimiah

Barisan / halaman : 121-122

Bermula dari :

Artinya : Dan dari pendapat ahlu sunnah bahawa Kursi itu adalah berhadapan dengan Arash dan lokasinya adalah dibahagian bawah seperti dua tapak kaki.

USAHA MENOLAK 'TAHAIYUZ' (BERTEMPAT) BAGI ALLAH TIDAK PERLU DILAYAN

Beliau juga berpendapat bahawa menolak 'tahaiyuz' bagi Allah adalah kerja yang sia-sia kerana tiada sumber yang mantap yang mengizinkan kita berbuat demikian, seperti katanya:

TZ1) Kitab : Majmu'ul Fatawa

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 5

Barisan / halaman : 18

Bermula dari :

Artinya : Dan adapun kata-kata mereka yang menghendaki kami beri'tikad dengan menafikan bagi Allah 'tahaiyuz' (bertempat), maka jawabannya adalah dari beberapa cara :

Pertama : Bahawasanya lafaz ini (menafikan tahaiyuz) dan maknanya yang mereka inginkan (agar kami sebutkan penafiannya) adalah ianya sesuatu yang tiada nilainya dari seluruh kitab-kitab Allah yang diturunkan , dan tiada ia 'disebut' dari seorang dari para anbiya Allah dan juga tiada seorang rasul, tiada juga dari penutup sekalian rasul (yakni Rasulullah s.a.w) dan tiada juga dari selainnya. Dan juga tiada asalnya dalam pemeliharaan dari seorang salaf umat ini dan tiada juga dari ulamanyasehingga beliau berkata : Sesungguhnya kalam ini (mengenai penafian tahaiyuz) bukan dari agama Allah dan bukannya dari Iman dan bukanlah ia dari perjalanan orang-orang mukmin.

ALLAH BERDIRI SAMA DENGAN MAKHLUK

Sebagaimana kita maklumi, antara kefahaman ahlu sunnah wal jamaah ialah Allah SWT tidak memerlukan makhluk dan tidak bersama-sama makhluk bagi segala urusannya kerana sifatnya berlawanan dengan semua yang baru (makhluk) tetapi Sheikh Ibin Taimiah berpendapat Allah 'bersama-sama' dengan yang baru, qiyamul hawadith, seperti katanya :

QH1) Kitab : Al-Furqan
Pengarang : Ibin Taimiah
Barisan / halaman : 21
Bermula dari :

Artinya : Dan disana ada satu golongan yang banyak mengatakan bahawa Allah Ta'ala berdiri bersamanya beberapa makhluk dan menghilang dan Allah Ta'ala telah berkata-kata dengan Musa alaihis salam dengan suara dan suara tersebut bersifat 'adam' menghilang, dan inilah dia mazhab para imam As-Sunnah dan Al-Hadith dari kalangan salaf dan selain mereka.

Oleh kerana Allah berkata-kata dengan Musa dengan suara maka suara yang p ada hakikatnya adalah makhluk telah bersama-sama dengan Allah dan kemudian menghilang. Sedangkan telah disepakati oleh ulama usuludin ahlu sunnah wal jamaah bahawa berkata-kata ini tidak seperti berkata-katanya makhluk yang memerlukan suara kerana Allah berkuasa berkata-kata tanpa menggunakan suara dan jika menggunakan suara artinya Allah menyamai dengan makhluk dalam urusannya . Ini bertentangan dengan firmanNya yang berbunyi :

Artinya : Dan tiada sesuatu pun setanding denganNya.

Beliau telah isbatkan qiyamul hawadith ini di lain tempat , seperti katanya :

QH1) Kitab : Minhajus Sunnah
Pengarang : Ibin Taimiah
Juz : 1
Barisan / halaman : 224
Bermula dari :

Artinya : Dan sekiranya kamu tanyakan kepada kami: Maka sesungguhnya kamu telah katakan berdirinya makhluk dengan tuhan, kami katakan kepada kamu : Benar, dan inilah pandangan kami yang ditunjukkan kepadanya oleh syara' dan akal.

Jika ada persamaan berdirinya Allah bersama makhluk maka banyaklah perkara yang menyamainya seperti turun dari langit, seperti katanya yang membabitkan ahlu sunnah dalam hal ini:

QH2) Kitab : Minhajus Sunnah

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 1

Barisan / halaman : 262

Bermula dari :

Artinya : Jumhur ahlu sunnah berkata : Sesungguhnya Allah Tabaraka Wa Ta'ala turun (sama seperti makhluk) dan tidaklah dia terpisah dari arashNya.

KAUM KARAMIAH SEBAHAGIAN DARI PEMBELA AGAMA

Pendapatnya yang jelas yang membuktikan bahawa beliau i'tiraf kaum karamiyyah sebagai pembela agama (nuzhaarul muslimin).

KI) Kitab : Minhajus Sunnah

Pengarang : Ibin Taimiah

Juz : 1

Barisan / halaman : 181

Bermula dari

Artinya : Begitulah berkata mereka yang berkata dari kaum karamiyyah dan juga selain dari mereka dari nuzaril muslimin (ulama yang bertugas mempertahankan aqidah orang islam).

Penjelasan : Beliau dengan penuh kebanggaan telah menyamakan aqidah karamiah selari dengan aqidah para ulama yang mempertahankan Islam, sedangkan sudah di itifaq kan bahawa karamiah adalah satu kaum yang sabit kekufuran mereka kerana menisbahkan tubuh badan kepada Allah swt.

Setakat disini dahulu , kerana masih banyak silap dan salahnya dari sudut Aqidah yang bercanggah dengan pegangan Ahlu Sunnah Wal Jamaah dan beliau telah melanggar 60 masalah ijma yang menyebabkannya berada dalam lembah kufur. Ini semua ada termaktub dalam simpanan kami hanya masa sahaja yang mengizinkan kami susun semula satu persatu.

Bagaimana kamu memandang kepada Ibin Taimiah dengan gelaran 'Sheikhul Islam' , yang digelar ahli tajiim pada zamannya kepadanya oleh kerana beliau berjaya mempengaruhi ramai orang dari Asyaerah dengan kebijaksanaannya.

Seakian dahulu.

Susunan :

Mohamad Ghouse Khan Surattee

Mula menullis 11 Jamadil Akhir 1422

Susunan Terkini 16 Rabiul Awal 1423
